

# Tunai Rahmah sebelum Aidiladha

**Bayaran Fasa 3  
babit dana RM2b  
bakal dimanfaatkan  
8 juta penerima**

**Kuala Lumpur:** Bayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 3 membabitkan peruntukan lebih RM2 bilion akan mula disalurkan kepada penerima golongan B40 sebelum sambutan Aidiladha, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, bayaran itu akan memanfaatkan le-

bih lapan juta penerima yang akan menerima bayaran antara RM100 hingga RM1,300.

“Selain itu, (bayaran) e-Tunai Belia Rahmah RM200 kepada belia (berusia) 18 sehingga 21 tahun akan disalurkan sebelum minggu ketiga bulan ini,” katanya ketika sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri, di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri memaklumkan, kerajaan sudah membelanjakan RM158 bilion atau 41 peratus daripada keseluruhan peruntukan dalam Belanjawan 2023 setakat bulan lalu, bagi tujuan meringan kos sara hidup rakyat.

Beliau berkata, ia juga kapasiti

perbelanjaan terbaik direkodkan bagi tempoh suku pertama berbanding tempoh sama pada tahun sebelum ini.

Katanya, perbelanjaan itu antara lain termasuk RM3 bilion bagi bayaran STR fasa pertama dan kedua kepada 8.7 juta penerima, selain RM2.6 bilion bayaran Bantuan Khas Kewangan kepada 1.3 juta penjawat awam dan lebih sejuta pesara.

Ia juga merangkumi lebih RM3 bilion perbelanjaan subsidi elektrik kepada 9.7 juta pengguna, lebih RM11 bilion subsidi petrol RON95, diesel dan gas cecair memasak serta lebih RM800 juta Bantuan Awal Persekolahan kepada lebih lima juta murid.